

SATU ANALISIS UNTUK MEMBANDINGKAN ISI KANDUNGAN DAN  
POLISI BERITA DI ANTARA BERITA NASIONAL RTM DAN BERITA BAHASA  
MALAYSIA TV3 YANG DISIARKAN PADA PUKUL 8 MALAM

oleh

CHIANG KHAI LIN

PENYELIA

R. KARTHIGESU

LATIHAN ILMIAH SEBAGAI MEMENUHI IJAZAH SARJANA MUDA  
KOMUNIKASI MASSA DENGAN KEPUJIAN

RANCANGAN KOMUNIKASI  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1988/89

KANDUNGAN

	muka surat
PENGHARGAAN	1
KANDUNGAN	ii
PENDAHULUAN	111
BAB 1 PERKEMBANGAN INDUSTRI TELEVISYEN DI MALAYSIA	1
BAB 2 SATU PERBINCANGAN MENGENAI POLISI DAN NILAI BERITA, KHASUSNYA DI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA DUNIA KE-3	6
BAB 3 TUJUAN, HIPOTESIS DAN KONSEPTUALISASI	23
BAB 4 METODOLOGI DAN DEFINISI PENGUKURAN	29
BAB 5 INTERPRETASI DATA BERITA TEMPATAN	48
BAB 6 INTERPRETASI DATA BERITA LUAR NEGARA	68
BAB 7 HASIL ANALISIS KAJIAN TAMBAHAN	76
BAB 8 KESIMPULAN	80
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

## PENDAHULUAN

Pengkajian dalam bidang media dan proses sebaran' am di Malaysia mula mendapat perhatian pada awal tahun 1970-an. Terdapat banyak kajian dilakukan dan dilaporkan dalam bahasa Inggeris. Banyak juga di antaranya yang diterbitkan di luar negara. Satu kajian yang agak besar telah dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia- UNESCO , "Communication Structure In Malaysia : An Overview For Planning. Selain itu, terdapat beberapa kajian lagi seperti Broadcasting In Peninsular Malaysia oleh Adhikarya yang telah diterbitkan di luar negara pada tahun 1977. (Mansor Ahmad Saman, 1983, ms ix - xi).

Selama ini, kajian mengenai berita televisyen Malaysia masih kurang dijalankan kecuali kajian antarabangsa seperti yang dilakukan oleh UNESCO "Foreign News In The Media : International Reporting In 29 Countries" pada tahun 1978. Jadi, kajian ini berharap dapat memberi satu gambaran tentang polisi dan isi kandungan berita televisyen di Malaysia. Terutamanya TV3 yang baru beroperasi selama 5 tahun sahaja, adalah sangat kurang kajian yang dijalankan terhadap media siaran ini.

Bab 1 dan Bab 2 dalam Latihan Ilmiah ini cuba membincangkan perkembangan industri televisyen di Malaysia secara amnya dan mengkhusus dalam nilai-nilai berita serta polisi berita yang diamalkan di negara-negara Dunia ke-3 termasuk Malaysia. Bab 3 adalah penjelasan tentang tujuan dan hipotesis kajian ini dan apakah asas yang membawa kepada kajian ini. Manakala Bab 4 menerangkan kaedah kajian yang digunakan dan cara-cara menjalankan analisis ini.

Seterusnya, Bab 5 dan 6 merupakan perjumpaan-perjumpaan yang diperolehi selepas meneliti data-data yang dikumpulkan. Bab 5 khusus kepada perbincangan data-data berita tempatan manakala Bab 6 adalah mengenai interpretasi data berita luar negara. Perbincangan di dalam kedua-dua bab ini adalah berdasarkan kepada topik berita, watak utama, dan lokasi kejadian, serta perhubungan antara angkubah-angkubah itu.

Bab 7 merupakan satu perbincangan yang serba ringkas mengenai hasil atau perjumpaan daripada kajian tambahan yang dijalankan . Akhir sekali, Bab 8 adalah kesimpulan daripada keseluruhan kajian ini dan menguji hipotesis kajian yang ditetapkan dalam Bab 3. Selain itu, cadangan-cadangan kepada kajian lain juga dinyatakan dalam bab ini di samping membincangkan kelemahan-kelemahan kajian ini.

Lampiran yang terletak di bahagian akhir Latihan Ilmiah ini merupakan satu bahagian yang sangat penting. Kesemua 14 jadual yang merupakan data kesatuan adalah inti utama kepada keseluruhan analisis kajian ini. Diharapkan bahawa data-data ini dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji lain yang ingin menyumbangkan penulisan mereka terhadap bidang berita di Malaysia.

## BAB 1 : PERKEMBANGAN INDUSTRI TELEVISYEN DI MALAYSIA

Dalam masa yang pendek, industri televisyen di Malaysia telah berkembang dengan pesat terutamanya dalam 5 tahun kebelakangan ini. Kemasukan rangkaian ke-3 yang merupakan rangkaian swasta telah menambahkan kegemilangan dalam industri televisyen di Malaysia. Pertandingan telah diwujudkan dengan usaha TV3 memperkenalkan rancangan-rancangan yang baru dan menarik. Keadaan ini telah mendorong RTM untuk memperbaiki mutu rancangannya. Justeru itu, pertandingan akan berterusan dan kedua-dua stesyen RTM dan TV3 akan menghasilkan rancangan-rancangan yang semakin bermutu. Nampaknya masa depan industri televisyen di Malaysia adalah cerah. Syarikat-syarikat penerbitan video tumbuh bagai cendawan demi memenuhi permintaan para pengiklan dan juga bertambahnya permintaan terhadap rancangan-rancangan terbitan tempatan. Sehingga sekarang, seramai 93% daripada penduduk dewasa di Malaysia dapat mengecap kemudahan siaran televisyen.

Televisyen Malaysia memulakan perkhidmatan pada 28hb Disember 1963. Ketika itu semua rancangan televisyen disiarkan dari studio sementara di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada bulan Oktober 1969, Televisyen Malaysia telah berpindah ke bangunan tetapnya di Kompleks Angkasapuri. Semenjak itu, Televisyen Malaysia telah mengadakan perkhidmatannya kepada orang ramai melalui dua rangkaian iaitu Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua. Rangkaian Pertama dipancarkan untuk tontonan ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Rangkaian Kedua pula khas untuk penonton di Semenanjung Malaysia. (Mulai 31hb Ogos, 1983, Rangkaian Kedua telah diperluaskan siarannya ke Sabah dan Sarawak). Seterusnya pada 28hb Disember 1978, 100% rancangan televisyen adalah dalam warna meliputi rancangan terbitan tempatan dan luar negeri. Selama

ini, kerajaan tidak pernah melepaskan peganganinya daripada industri televisyen. Kawalan ketat terhadap rancangan-rancangan televisyen diadakan untuk mencapai matlamat kerajaan. Ini memandangkan bahawa Malaysia adalah, sebuah negara dalam tahap pembangunan yang menghadapi banyak halangan seperti ancaman komunis dan rusuhan kaum.

Tetapi, awal tahun 1980-an merupakan masa peralihan bagi industri tersebut. Televisyen Malaysia dengan rancangan-rancangan bercorak pembangunan mulai kehilangan penonton-penonton di bandar, terutamanya kaum Cina. Ini adalah akibat daripada kemasukan budaya video ke Malaysia dan ianya telah dianggap bahaya kerana turut membawa masuk nilai-nilai yang tidak sesuai dengan kehidupan Timur lalu mencemarkan kebudayaan Malaysia.

Faktor ini merupakan salah satu pendorong untuk mencadangkan penubuhan televisyen swasta. Seperti yang diakui oleh Encik Mohamad Taufik Tun Dr. Ismail, Pengurus Besar Fleet Group "Tujuan kami bukan hanya untuk bertanding dengan RTM tetapi juga memberi penonton bandar satu alternatif selain daripada video. Menurut kajian pakar kami, diperhatikan bahawa sebilangan besar penonton RTM telah beralih ke video. Jadi kami berharap dapat menarik balik penonton-penonton itu. Rancangan televisyen yang baik dapat menandingi video yang buruk".<sup>1</sup>

Selain itu, televisyen swasta dicadangkan pada 1985 sebagai salah satu rancangan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti Kementerian Penerangan, bersesuaian dengan konsep penswastaan Malaysia.<sup>2</sup> Di samping bertujuan memajukan mutu rancangan RTM dengan cara

1. New Straits Times, (6 Ogos 1983).

2. The Star, (27 Mei 1985).

pertandingan yang sihat, juga berharap dapat menarik pengiklan-pengiklan dari Singapura jikalau Televisyen swasta itu berjaya menarik sebahagian besar penonton dari Singapura.<sup>3</sup>

#### Kemasukan TV3 dalam industri penyiaran Malaysia

1hb Jun 1984 merupakan titik permulaan bagi RTM bersedia untuk melepaskan penyiaran elektronik dari pegangan monopolinya. Pada tarikh itulah, sebuah rangkaian television swasta yang pertama di Malaysia iaitu TV3 memulakan siaran percubaannya di kawasan Lembah Kelang. Pelancaran saluran ini walaupun pada peringkat percubaan sahaja telah mula menandakan satu cabaran terhadap RTM.

Kejayaan TV3 memperolehi sambutan yang hangat daripada orangramai dan juga pengiklan-pengiklan adalah satu dorongan yang kuat bagi TV3 meneruskan perancangan mereka untuk mengembangkan penyiarannya ke peringkat nasional. Begitulah Johor Baru dan Ipoh dipilih sebagai sasaran seterusnya pada bulan November 1984. Dalam masa lebih daripada satu tahun, siaran TV3 telah sampai ke negeri-negeri di pantai Barat Semenanjung Malaysia. Sejak hujung tahun 1987, dua negeri di pantai Timur iaitu Terengganu dan Kelantan juga berpeluang menikmati siaran rangkaian hiburan ini yang sekian lama ditunggu-tunggu oleh penduduk di sana. Sekarang, dua stesyen penerima satelit telah dipasang di Gunung Serapi dan Bukit Lima untuk menyalurkan rancangan TV 3 ke kawasan Sibu dan Kota Kinabalu masing-masing. Pemasangan stesyen satelit ini juga membolehkan negara-negara jiran seperti Filipina dan Indonesia menerima gelombang siaran TV3 dengan cara memasang satu 'dish'.<sup>4</sup>

---

3. The Star, (28 Nov 1982).

4. New Straits Times, (1 Jun 1988).

Ekoran daripada itu, media elektronik di Malaysia telah bertukar daripada aliran monopolii ke arah pertandingan berkawal. Dari segi hiburan, para penonton adalah golongan yang beruntung kerana dapat menikmati rancangan-rancangan yang menarik di kedua-dua rangkaian itu. Kaca television menjadi semakin gemilang sejak TV3 memulakan siarannya. Menurut Encik Mohamed Noor Salleh, Pengurus Besar di TV3, "RTM dan TV3 bertanding untuk memperolehi pasaran dan penonton yang sama. Dalam pada itu, kedua-dua organisasi akan berjuang untuk mendapatkan rancangan yang lebih menarik".<sup>5</sup>

#### Perkembangan selanjutnya

Perkembangan dan perubahan dalam bidang penyiaran televisyen di Malaysia tidak berhenti setakat ini sahaja. Pada bulan April 1988, RTM telah dicadangkan untuk menjadi sebuah perbadanan bagi meningkatkan lagi prestasinya, dengan harapan bahawa RTM dapat menambahkan pendapatannya menerusi pengiklanan.

Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat telah mengatakan bahawa peranan RTM kepada pembangunan negara akan lebih berkesan dengan dijadikannya sebuah perbadanan kerana ia akan mempunyai sumber kewangan sendiri dan tidak lagi terlalu bergantung kepada kerajaan. Jika RTM dijadikan perbadanan, ianya akan dikelola oleh sebuah lembaga pengarah tetapi akan tetap dikawal oleh kerajaan terutama mengenai polisinya.<sup>6</sup>

Nampaknya sehingga sekarang kerajaan Malaysia tidak pernah menunjukkan niat untuk memperkenalkan ideologi kebebasan informasi. Kebebasan yang diberi kepada institusi-institusi media massa hanyalah

5. The Star, (31 Ogos 1985).

6. Mingguan Malaysia, (3 April 1988).

dari segi ekonomi supaya organisasi itu dapat berkembang dengan lebih pesat lagi - mengurangkan beban dan tanggungan kerajaan tetapi dapat menjalankan propaganda kerajaan dengan lebih berkesan.

Itulah salah satu sebab pada mulanya TV3 ditubuhkan di bawah pemilikan sebuah badan perniagaan swasta Fleet Communication, iaitu pemilik New Straits Times, Utusan Malaysia, Nanyang Group, dan Tamil Nesan Private Ltd yang merupakan syarikat yang dibentuk oleh parti-parti pemerintah. Kemudian pada tahun 1987 apabila New Straits Times Press yang juga sebuah koperasi tajaan kerajaan berjaya menguasai 49.9% daripada ekuiti di STMB, TV3 telah bertukar milik menjadi anak syarikat NSTP.<sup>7</sup>

---

7. New Straits Times. (8 Mei 1987).